

PENGURUSAN SISA BINAAN MENGIKUT KONSEP 3R DALAM PROJEK PEMBINAAN

FATHIYATUN AMINAH BINTI AHMAD

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2010

ABSTRAK

Industri pembinaan menyumbangkan kepada pertambahan sisa pepejal di tapak pelupusan sampah. Pertambahan sisa binaan ini bukan sahaja akan memendekkan jangka hayat sesuatu tapak pelupusan sampah malah turut memberi impak kepada alam sekitar. Oleh itu, satu kaedah pengurusan sisa binaan telah diperkenalkan iaitu pelaksanaan konsep 3R. Pelaksanaan konsep ini dalam pengurusan sisa binaan bukan sahaja dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah malah turut dapat memulihara alam sekitar. Walau bagaimanapun, menurut kajian terdahulu, hanya segelintir pihak kontraktor yang melaksanakan konsep ini dalam pengurusan sisa binaan dan kebanyakan pihak kontraktor masih mengekalkan kaedah seperti pelupusan di tapak pelupusan sampah dalam menguruskan sisa binaan yang dihasilkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kontraktor kurang melaksanakan konsep 3R berbanding kaedah lain dalam pengurusan sisa pembinaan dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi mempertingkatkan pelaksanaan konsep 3R dalam pengurusan sisa pembinaan. Untuk menjalankan kajian ini, responden terdiri daripada kontraktor Klas A (PKK) dan G7 (CIDB) di sekitar Alor Setar dan Johor Bahru. Hasil kajian mendapati faktor utama kurang pelaksanaan konsep 3R ialah lokasi projek. Faktor-faktor lain ialah ruang, mengekalkan cara pengurusan yang telah sedia ada, kurang maklumat teknikal, kos pengendalian yang tinggi, tambahan kerja kepada kontraktor, kekurangan masa dan faktor terakhir ialah tiada pekerja mahir. Bagi langkah utama yang boleh diambil untuk mempertingkatkan pelaksanaan konsep 3R ialah penyediaan pelan pengurusan pembaziran. Langkah-langkah lain yang boleh diambil ialah meningkatkan peraturan pengurusan sisa binaan, komunikasi rancangan, insentif kewangan, menghalang sesetengah kaedah pengurusan sisa binaan dan langkah terakhir ialah meningkatkan bayaran pelupusan.

ABSTRACT

Construction industry contributes to increasing solid waste in dumpsite. The increasing of construction material waste is not only decrease life span of dumpsite but it also will give impact to environment. So that, implementation 3R concept in construction waste management was introduce to construction industry. By implementation this concept in construction waste management not only can extend life span of dumpsite in fact it also can conserve environment. However, according to earlier research, only a few contractors implement this concept in construction waste management and mostly, contractor still using disposal method at dumpsite to manage the constructions waste. As such, this study conducted to determine factors which resulted contractor do not implement 3R concept compared to others method in construction waste management and further proposed the best way that can be taken to increase 3R concept implementation in construction waste management. To carry out this study, respondent consist of contractor Klas A (PKK) and G7 (CIDB) at Alor Setar and Johor Bahru. As a result, research found that the main factor contribute less implementation 3R concept is project location. Other factors was space, maintain management style that had inherent, less technical information, high operating cost, work addition to contractors, lack of time and final factor is no skilled labour. For major way could be taken to increase 3R concept implementation was provide plan wastage management. The other way could be taken was to increase rule of waste management building, plan communication, financial incentives, prevent some construction waste management method and final step was to increase disposal payment.